




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di Sabah adalah sebanyak 646 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 16,841 kes. Kes kematian hari ini mencatatkan sebanyak 7 kes iaitu tiga (3) di Sandakan, dua (2) di Tawau dan masing-masing satu (1) di Kota Kinabalu dan Tuaran. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 472 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital. Manakala seramai 3,012 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 671 orang di hospital dan 2,341 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 73 orang dan 15 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Hari ini tiada penambahan zon merah.

- 4 Pada hari ini, terdapat tiga (3) kluster baharu iaitu:
  - (i) Kluster Dialisis Lahad Datu sebanyak 19 kes.
  - (ii) Kluster Penjara Sandakan sebanyak 39 kes.
  - (iii) Kluster Sepanggar sebanyak 7 kes.
- 5 Jumlah katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 909 katil manakala Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 7,398 katil menjadikan jumlah keseluruhan 8,307 katil. Penggunaan katil pada hari ini adalah 36.26%.
- 6 Terdapat penambahan 66 katil masing-masing 26 katil di Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu dan 40 katil di PKRC baharu Dewan Masyarakat Papar.

#### **B. MOBILISASI SUMBER MANUSIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

- 1 Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa prihatin kepada setiap keperluan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) dalam memastikan perkhidmatan dan rawatan di hospital berada di tahap yang optimum.
- 2 Seramai dua (2) orang Pegawai Perubatan Pakar tambahan masing-masing akan ditempatkan di Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu dan Hospital Tawau. Manakala, 19 orang Pegawai Perubatan ditempatkan di Hospital Queen Elizabeth Kota Kinabalu, Hospital Duchess of Kent Sandakan, Hospital Semporna dan Hospital Kunak.
- 3 Sehingga kini, jumlah bantuan sumber manusia yang telah diterima JKNS adalah seramai 52 orang Pegawai Perubatan Pakar dan 125 orang Pegawai Perubatan.

#### **C. PEMBUKAAN PUSAT KUARANTIN DAN RAWATAN COVID BERISIKO RENDAH (PKRC) BAHARU**

- 1 Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid Berisiko Rendah (PKRC) yang kedua bagi Daerah Papar telah dibuka di Dewan Masyarakat Papar mulai 3 November 2020. Kapasiti PKRC ini boleh merawat 40 orang pesakit pada satu masa dan dapat menampung sebahagian pesakit di PKRC PULAKOP, Kinarut.
- 2 Secara keseluruhannya, Sabah mempunyai 28 PKRC iaitu 17 PKRC di Pantai Barat dan 11 PKRC lagi di Bahagian Pantai Timur Sabah.

#### **D. PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) PPR TAMAN HARMONI SANDAKAN**

- 1 Kerajaan sebelum ini telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di PPR Taman Harmoni, Sandakan bermula 23 Oktober 2020 sehingga 5 November 2020.
- 2 Sehingga 26 Oktober 2020, melalui ujian saringan yang telah dilaksanakan, KKM mengesahkan tiada kes positif COVID-19 baharu direkodkan di kawasan ini.
- 3 Sehubungan itu, Sidang Khas telah bersetuju untuk menamatkan PKPD di PPR Taman Harmoni, Sandakan pada 5 November 2020 sebagaimana yang telah dijadualkan.
- 4 Walau bagaimanapun, PPR Taman Harmoni ini masih tertakluk di bawah SOP PKPB seluruh Negeri Sabah.

#### **E. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **132,936** bakul makanan telah diagihkan.

#### **F. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sebanyak 64 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 44,037 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 162 buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 30 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 74 hebahan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 96.5%.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 37 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 21 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.
- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di empat (4) premis di dua (2) daerah iaitu Semporna dan Tawau.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 168 lokasi di 22 buah daerah.

Oleh yang demikian, kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantai COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

Masyarakat juga dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe  
#workfromhome  
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
04 November 2020**